


## PENGANJURAN SEMINAR E-INVOIS BERSEPADU DISAMBUT MERIAH

Petaling Jaya, 18 Julai 2024 – Dalam agenda mempromosikan pelaksanaan e-Invois serta memastikan aspirasi kerajaan ke arah pendigitalan pentadbiran cukai dapat direalisasikan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menganjurkan Seminar e-Invois Bersepadu yang berlangsung di Menara HASiL Petaling Jaya.



Seminar kolaboratif anjuran bersama HASiL Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Cawangan Pembayar Cukai Besar disambut meriah dengan penyertaan seramai hampir 400 wakil syarikat yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang mempunyai pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta di sekitar Lembah Klang. Turut sama hadir ialah YBr. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), barisan panel jemputan *Project Management Consultant Ernst & Young* yang terdiri daripada Encik Yeap Bee Aik, Encik Adrian Lim dan Encik Chua Meng Hui. Sesi Taklimat e-Invois telah disampaikan oleh YBr. Dr. Rasyidah Che Rosli, Pengarah Seksyen Bahagian e-Invois.

Penganjuran seminar ini adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada kumpulan sasar bagi mendapatkan maklum balas secara terus daripada HASiL dalam memastikan pelaksanaan e-Invois ini mencapai objektifnya sekali gus memacu pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Antara lain, program ini merupakan salah satu aktiviti pendidikan dan libat urus oleh HASiL dalam menjayakan pelaksanaan e-Invois fasa pertama yang akan bermula pada 1 Ogos 2024 nanti. Sebagai rujukan kepada pembayar cukai, Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 3.0) dan Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 2.2) telah dimuat naik di portal rasmi HASiL menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois>.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois boleh disalurkan melalui:

- Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- MyInvois Live Chat;
- E-mel [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my) bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 19 Julai 2024**



## LAMPIRAN



YBrs. Encik Shaharrudy Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) menyampaikan ucapan sempena Seminar e-Invois Bersepadu.



Barisan panel jemputan yang terlibat menjayakan Seminar e-Invois Bersepadu yang berlangsung di Menara HASiL Petaling Jaya.



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



Sebahagian peserta yang hadir memeriahkan seminar tersebut.



@HASiLMalaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia



@HASiL\_Malaysia



@hasil\_malaysia